

SEJARAH TINGKATAN DUA

BAB 1 – KEDUDUKAN STRATEGIK MENDORONG PENGUASAAN BRITISH

Pengaruh British di Kedah

(Teks m/s: 4-6)

- sebelum tahun 1791 Pulau Pinang adalah sebahagian dari wilayah Kedah
- Kedah pula terletak di bawah naungan Siam
- terkenal sebagai sebuah kuasa maritim
- Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) tertarik dengan kegemilangan Kedah terutamanya di Pulau Pinang

Sebab-Sebab SHTI Tertarik dengan Kedah

a) Kedah Sebagai Pelabuhan Persinggahan

- kedudukan Kedah strategik di laluan antara timur dan barat
- banyak terdapat kemudahan seperti bekalan air, bekalan makanan dan tempat membaiki kapal
- pedagang singgah sebelum belayar ke Canton, China
- tempat berlindung sementara menunggu peralihan angin monsun

b) Kedah Sebagai Pusat Pengumpulan Barang Dagangan

- banyak barang dagangan terdapat di Kedah yang dibawa dari negara luar seperti China
- teh dari China diperlukan oleh SHTI
- China perlukan emas, perak, bijih timah dan lada hitam dari Kepulauan Melayu

c) Kedah Sebagai Pangkalan Tentera

- SHTI perlukan Pulau Pinang sebagai pangkalan tenteranya
- SHTI bersaing kuasa perdagangan dengan Perancis di India
- Pulau Pinang dijadikan pangkalan tentera untuk mempertahankan India dari serangan Perancis

Ancaman-Ancaman di Kedah

- Kuala Kedah berkembang sebagai pelabuhan entrepot di Kepulauan Melayu
- pemimpin mengamalkan dasar buka pintu dalam pentadbiran
- Kuala Kedah maju sebagai pusat perdagangan antarabangsa

- para pemimpin Kedah menghadapi tentangan dan ancaman dalam usaha mengekalkan kedaulatan Kedah dari Bugis, Siam dan Burma

i) Ancaman Bugis Dari Selangor

- akhir abad ke-18 keadaan politik Kedah tidak stabil kerana perebutan takhta antara pembesar-pembesar
- keadaan ini mengancam kedaulatan Kedah
- tahun 1770 Sultan Muhammad Jiwa melantik Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah
- kerabat diraja Kedah tidak bersetuju kerana Tunku Abdullah bukan anak gahara
- kerabat diraja Kedah berpakat dengan Bugis di Selangor untuk menentang Sultan Muhammad Jiwa
- tentera Bugis pimpinan Raja Haji menyerang dan menawan Kuala Kedah dan Alor Setar
- Sultan Kedah terpaksa berundur ke Kangar
- Sultan Muhammad Jiwa dapatkan bantuan tentera dari firma *Jourdain Sullivan and de Souza*
- tahun 1771 firma telah menghantar Francis Light ke Kedah untuk berunding
- perjanjian telah ditandatangani yang membenarkan firma berniaga di Kuala Kedah
- firma dikehendaki membantu Kedah dalam ketenteraan
- Sultan Kedah membatalkan perjanjian apabila firma tidak membantu Kedah menyerang Bugis di Selangor

(ii) Ancaman Siam

- Kedah menghentikan penghantaran bunga emas kepada Siam semasa Siam berperang dengan Burma (1753-1781)
- selepas perang tamat Siam menjadi kuasa yang kuat dan menuntut Kedah menghantar bunga emas, wang dan tenaga manusia
- Kedah berasa terancam
- Sultan Abdullah (1778-1797) mendapatkan bantuan tentera SHTI
- Sultan Kedah menawarkan Pulau Pinang sebagai hadiah sekiranya SHTI sanggup melindungi Kedah dari ancaman Siam
- Francis Light sedar tentang kepentingan Pulau Pinang sebagai pelabuhan dan pangkalan tentera
- SHTI bersetuju untuk membantu Kedah

Francis Light di Pulau Pinang

(Teks m/s: 7-9)

- SHTI bersaing dengan Belanda di semenanjung Tanah Melayu
- SHTI bimbang dasar monopoli Belanda menjejaskan perdagangan mereka
- SHTI anggap tawaran Sultan Abdullah yang membenarkan mereka menduduki Pulau Pinang sebagai ‘pucuk dicita ulam mendatang’
- Francis Light menandatangani perjanjian secara peribadi dengan Sultan Abdullah pada tahun 1786 iaitu Perjanjian Inggeris-Kedah
- Sultan Abdullah membenarkan Francis Light menduduki Pulau Pinang dengan syarat Francis Light memberi bantuan tentera apabila perlu
- Pada 11 Ogos 1786 upacara menaikkan bendera rasmi British iaitu *Union Jack* diadakan
- nama Pulau Pinang ditukar kepada *Prince of Wales Island* oleh Francis Light
- ibu negeri Pulau Pinang dinamakan Georgetown iaitu sempena nama Raja England – King George III
- tahun 1787 sebanyak 42 buah kapal berlabuh di Pulau Pinang
- tahun 1790 bilangan kapal bertambah kepada 104 buah
- bermulanya penjajahan British di Tanah Melayu

Syarat Perjanjian Inggeris-Kedah 1786

- SHTI bantu Kedah sekiranya Kedah diserang musuh
- SHTI tidak boleh melindungi musuh Kedah
- SHTI berjanji akan membayar sebanyak 30 000 dolar Sepanyol setahun kepada sultan sebagai pampasan

Pulau Pinang Diambil British Secara Rasmi

- tahun 1786 Siam menakluk Patani dan mengancam Kedah
- Sultan Abdullah menuntut SHTI memberi bantuan tentera (seperti dalam perjanjian 1786)
- SHTI enggan membantu dengan alasan SHTI tidak terlibat dengan perjanjian
- SHTI juga mahu menjaga kepentingan perdagangan dengan Siam
- Sultan Abdullah mendesak Francis Light meninggalkan Pulau Pinang kerana tidak menepati janji

- Francis Light enggan dan menawarkan bayaran ganti rugi tetapi ditolak oleh Sultan Abdullah
- Sultan Abdullah berasa marah dan tertipu dengan tindakan Francis Light
- Tahun 1791 Sultan Abdullah menyediakan angkatan laut di Seberang Perai untuk menyerang dan mengambil semula Pulau Pinang
- Sultan Abdullah mendapat bantuan dari Riau, Siak dan Selangor
- Francis Light minta bantuan dari British menyerang kubu Sultan Abdullah di Seberang Perai
- Sultan Abdullah tewas
- Sultan Abdullah terpaksa menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Keamanan Inggeris-Kedah pada 1 Mei 1791
- kesan-kesan:
 - SHTI menduduki Pulau Pinang secara rasmi
 - sebagai ganjaran SHTI membayar 6000 dolar Sepanyol setiap tahun kepada Sultan Abdullah
 - George Leith dilantik sebagai Gabenor Pulau Pinang yang pertama

SHTI Mengambil Seberang Perai

(Teks m/s: 10-12)

- 2 sebab SHTI memerlukan Seberang Perai;
 - i. Seberang Perai sebagai benteng mempertahankan serangan terhadap Pulau Pinang oleh pihak musuh
 - ii. Seberang Perai subur dan sesuai untuk pertanian bagi menampung makanan di Pulau Pinang
- SHTI mengambil kesempatan kerana Sultan Dziauddin memerlukan bantuan tentera bagi menghadapi ancaman Siam
- terpaksa menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Perikatan dengan gabenor Leith pada Jun 1800
- kesan – SHTI menduduki Pulau Pinang dan menukar nama kepada Province Wellesley

Syarat Perjanjian Persahabatan dan Perikatan 1800

- Sultan Kedah menyerahkan Seberang Perai
- SHTI membayar 10 000 dolar Sepanyol setahun bagi Pulau Pinang dan Seberang Perai
- SHTI tidak membantu Kedah apabila Siam menyerang Kedah pada November 1821
- rakyat Kedah terpaksa berjuang sendiri
- Kedah tewas dan ditakluki Siam

- Jun 1826 Raja Siam Rama III menandatangani perjanjian dengan Henry Burney di Bangkok iaitu Perjanjian Burney 1826

Syarat Perjanjian Burney 1826

- British mengiktiraf ketuanan Siam terhadap Kedah
- Sultan Kedah iaitu Sultan Ahmad Tajuddin II tidak dibenarkan tinggal di Kedah, Pulau Pinang, Seberang Perai, Perak, Selangor dan Burma
- British tidak membantu sultan Kedah menyerang Siam dan jajahan takluknya
- British akan menghantar balik sultan Kedah yang berlindung di Pulau Pinang ke Kedah dan Kedah hendaklah membayar ufti bunga emas kepada Siam
- Siam mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang dan Seberang Perai

Perluasan Kuasa British di Singapura (Teks m/s: 13-18)

Sebab-Sebab British Bertapak di Singapura:

i. SHTI gagal memajukan Pulau Pinang

- Pulau Pinang gagal mencapai kemajuan
- kedudukan Pulau Pinang jauh ke utara Selat Melaka menyebabkannya gagal bersaing sebagai pelabuhan di Kepulauan Melayu
- kebanyakan kapal dagang berdagang di Betawi, Riau dan Lingga

ii. Keinginan British mempunyai pelabuhan strategik

- perdagangan SHTI dengan China semakin penting
- barang dagangan China seperti teh, sutera, kapas dan bahan pencelup mendapat pasaran lumayan di Eropah
- SHTI memerlukan pelabuhan strategik di selatan Selat Melaka bertujuan untuk menguasai laluan perdagangan antara India dan China
- SHTI menguasai Melaka dan Betawi semasa Perang Napoleon (1793-1814)
- selepas Perang Napoleon tamat British terpaksa memulangkan Melaka dan Betawi kepada Belanda
- Belanda mengenakan cukai yang tinggi dan memberi layanan buruk kepada pedagang British di Betawi
- Stamford raffles ditugaskan mencari pelabuhan baru
- Raffles cuba membuka pelabuhan di Palembang, Aceh dan Riau tetapi gagal
- hasrat British untuk menyaingi pengaruh Belanda tidak berhasil

iii. Singapura sebagai pangkalan perdagangan yang strategik

- merupakan sebahagian wilayah Johor
- kedudukannya strategik di bahagian selatan semenanjung Tanah Melayu dapat mengawal laluan perdagangan di Selat Melaka dan Selat Sunda
- Singapura sesuaisebagai pelabuhan bebas dan pangkalan British untuk menyaingi Belanda di Betawi
- Raffles mencadangkan kepada SHTI supaya mendirikan pangkalan baru di Singapura
- Raffles yakin Singapura dapat menyekat kuasa monopoli Belanda di Kepulauan Melayu
- Raffles menghadapi masalah kerana Sultan Johor iaitu Sultan Abdul Rahman berada di bawah pengaruh Belanda

Cara-Cara Raffles (British) Menguasai Singapura:

- Raffles mendarat di Singapura pada 12 Januari 1819
- Pada 30 Januari 1819 Raffles memaksa Temenggung Abdul Rahman (Pemerintah Singapura dan Tanah Besar Johor) menandatangani perjanjian yang membenarkan British membina loji di Singapura
- Temenggung Abdul Rahman menandatangani kerana bimbang diserang oleh British

Syarat Perjanjian 30 Januari 1819

- SHTI boleh mendirikan loji di Singapura
- SHTI bersetuju melindungi Temenggung Abdul Rahman dari ancaman dalam dan luar negeri
- SHTI akan membayar sebanyak 3000 dolar Sepanyol setahun kepada Temenggung Abdul Rahman
- SHTI tidak membenarkan Temenggung Abdul Rahman membuat hubungan dengan kuasa Barat lain
- perjanjian antara Raffles dan Temenggung Abdul Rahman ini tidak sah kerana tidak dipersetujui Sultan Johor iaitu Sultan Abdul Rahman
- Raffles merancang untuk memperdayakan Sultan Abdul Rahman dan Belanda
- Raffles menggunakan helah dengan menghidupkan semula masalah pewarisan takhta yang berlaku tahun 1812

- Raffles memeralatkan Tengku Hussein yang kecewa kerana tidak ditabal sebagai Sultan Johor
- Raffles berjaya memujuk Temenggung Abdul Rahman supaya menjemput Tengku Hussein ke Singapura untuk ditabal sebagai Sultan Johor yang baru
- pada 6 Februari 1819 Sultan Hussein mengiktiraf perjanjian awal antara Temenggung Abdul Rahman dengan Raffles yang dibuat pada 30 Januari 1819
- SHTI mula bertapak secara rasmi di Singapura
- pertabalan Sultan Hussein menyebabkan Johor mempunyai dua prang sultan iaitu Sultan Hussein di Singapura (diperintah oleh Temenggung Abdul Rahman) dan Sultan Abdul Rahman di Lingga
- British melantik Residennya di Singapura iaitu William Farquhar (1819-1823) dan John Crawford (1823-1826)

Kuasa British di Singapura Secara Rasmi:

- tahun 1819 British belum lagi menguasai Singapura secara rasmi
- pada 7 Jun 1823 Raffles menandatangani perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman yang membolehkan SHTI menguasai Singapura dan pulau-pulau disekitarnya
- pada 2 Ogos 1824 perjanjian ditandatangani antara Residen Singapura John Crawford dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman
- kesannya – Sultan Hussein terpaksa menyerahkan Singapura secara rasmi kepada SHTI

Syarat Perjanjian 7 Jun 1823

- Sultan Hussein terima bayaran 1500 dolar Sepanyol dan Temenggung Abdul Rahman sebanyak 800 dolar Sepanyol sebulan
- Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman tidak berhak menerima atau mengutip cukai dari tongkang Cina
- SHTI berkuasa di seluruh pulau Singapura dan pulau-pulau berdekatan kecuali kawasan atau pulau kediaman Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman
- undang-undang British dikuatkuasakan

Syarat Perjanjian 2 Ogos 1819

- Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman menyerahkan Singapura kepada SHTI buat selamanya

- Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman hendaklah membenarkan pedagang-pedagang bebas berdagang di Johor dan wilayah takluknya
- Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman atau warisnya boleh menetap di tanah milik baginda di Singapura atau berpindah dari Singapura
- SHTI mengarahkan Temenggung Abdul Rahman memindahkan pusat pentadbiran dari Kuala Sungai Singapura ke Teluk Belanga
- alasan SHTI ialah untuk memajukan Singapura
- SHTI mengambil tanah-tanah di Kampung Gelam dan Teluk Belanga
- tahun 1866 pusat pemerintahan Johor di Teluk Belanga dipindahkan ke Johor Bharu

Pertikaian Inggeris-Belanda dan Perpecahan Kepulauan Melayu (Teks m/s: 19-20)

- Belanda tidak puas hati dengan petempatan Raffles di Singapura
- alasan Belanda ialah Singapura berada di bawah lingkungan pengaruh Belanda dan Singapura akan menjejaskan perdagangan Belanda di Betawi
- **kesan pertikaian** ialah;
 - a) Hubungan Belanda-Inggeris tegang
 - b) British enggan menyerahkan Singapura kepada Belanda kerana potensi Singapura sebagai pelabuhan bebas dan pangkalan tentera British
 - c) Satu perjanjian ditandatangani iaitu Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 (Persetiaan London)

Syarat Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 **(Persetiaan London)**

- Belanda mengiktiraf petempatan British di Singapura
- Belanda berjanji tidak akan membuka petempatan baru di Tanah Melayu
- British menyerahkan Bangkahulu kepada Belanda dan Belanda menyerahkan Melaka kepada British
- British berjanji tidak akan membuka petempatan baru ke selatan Singapura

Kesan Perjanjian Inggeris-Belanda 1824

- Kepulauan Melayu terbahagi dua;
 - a) British menguasai Tanah Melayu dan Singapura di Utara

- b) Belanda menguasai Kepulauan Riau dan Lingga di Selatan
- British dapat meluaskan pengaruh di Tanah Melayu tanpa gangguan kuasa-kuasa Barat lain
- Melaka menjadi hak British dan membolehkan British menguasai laluan perdagangan di Selat Melaka
- Kerajaan Johor berpecah dua iaitu;
 - a) Johor dan Singapura menjadi hak British
 - b) Kepulauan Riau dan Lingga menjadi hak Belanda

Sebab-Sebab Perpindahan Pentadbiran NNS Dari India Ke London (1867)

- SHTI di India tidak mengambil berat tentang kebajikan NNS
- NNS membantah cadangan menghapuskan taraf pelabuhan bebas di Singapura
- Kedatangan imigran Cina ke NNS tidak terkawal kerana kebanyakan mereka menubuhkan kongsi gelap dan melakukan kekacauan
- Pengenalan Akta Mata Wang 1855 menyebabkan mata wang Sepanyol diganti dengan mata wang rupee India – ini merugikan pedagang-pedagang kerana nilai rupee rendah
- Penduduk tempatan membantah kerana NNS dijadikan tempat buangan banduan

Penubuhan Negeri-Negeri Selat – NNS (Teks m/s: 21-13)

- tahun 1824 SHTI menguasai Pulau Pinang, Melaka dan Singapura
- Pulau Pinang ditadbir oleh Leftenan Gabenor
- Singapura dan Melaka ditadbir oleh Residen
- tahun 1826 ketiga-tiganya disatukan di bawah satu pentadbiran iaitu NNS
- tujuan adalah untuk menyeragamkan pentadbiran dan menjimatkan perbelanjaan
- ibu negeri NNS pertama ialah Pulau Pinang
- tahun 1832 ibu negeri NNS dipindahkan dari Pulau Pinang ke Singapura
- alasannya kerana kedudukan Singapura lebih strategik dan menguntungkan

Kesan Perpindahan Pentadbiran NNS Ke London

- Tahun 1871 mata wang NNS pertama telah dikeluarkan

Pentadbiran di Negeri-Negeri Selat

- pentadbiran NNS diketuai oleh Gabenor
- Gabenor menerima arahan daripada Gabenor Jeneral British di India
- Gabenor NNS dibantu oleh Residen Konsuler bagi setiap negeri di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka
- semua dasar dan undang-undang NNS digubal oleh Gabenor Jeneral British di India
- kesan-kesannya;
 - a) Penduduk dan pedagang tempatan tidak puas hati kerana NNS ditadbir seperti Tanah Jajahan India
 - b) Saudagar-saudagar British di NNS merayu dan mendesak supaya dipindahkan pentadbiran ke London
 - c) Pada 1 April 1867 NNS diisytiharkan sebagai Tanah jajahan British dan diletakkan di bawah Pejabat Tanah Jajahan di London
 - d) Majlis Perundangan ditubuhkan bagi membolehkan NNS meluluskan undang-undang sendiri

2.1 Dasar Campur Tangan British di Negeri-Negeri Melayu – NNM (Teks m/s: 29-32)

Sebab-Sebab Dasar Campur Tangan British di NNM

i. Kekayaan bumi NNM

- hasil bumi seperti bijih timah, emas, bijih besi dan arang batu
- kawasan utama bijih timah di Larut dan Kinta (Perak), di Sungai Pahang dan Sungai Lembing (Pahang), di Lukut, Kuala Lumpur, Ampang dan Petaling (Selangor) dan di Sungai Ujong, Negeri Sembilan
- kawasan utama emas ialah di Ulu Tembeling, Pahang

ii. Revolusi Perindustrian

- British memerlukan bijih timah untuk perusahaan mengetin makanan
- NNM perlu dikuasai untuk bekalan bijih timah berterusan
- NNM sebagai pasaran hasil keluaran kilang

iii. Pembukaan Terusan Suez dan Penciptaan Kapal Wap

- Terusan Suez dibuka tahun 1869
- terusan ini menghubungkan Laut Merah dengan Laut Mediterranean
- ia memendekkan perjalanan dari England (Eropah) ke India, Asia Tenggara dan China
- penciptaan kapal wap mempercepatkan perjalanan dan dapat membawa muatan lebih banyak

iv. Persaingan Kuasa Eropah Lain

- abad ke-19 berlaku persaingan kuasa
- British di India bimbang dengan kuasa Eropah lain di Asia Tenggara
- British tidak akan membiarkan kepentingannya di NNM diancam oleh kuasa Barat lain seperti Belanda di Hindia Timur (Indonesia), Perancis di IndoChina dan Sepanyol di Filipina

v. Perubahan Dasar British di London

- tahun 1873 Parti Konservatif menguasai kerajaan British di London
- Parti Liberal kalah

- pertukaran kerajaan menyebabkan dasar tidak campur tangan kepada dasar campur tangan di NNM

vi. Desakan Pedagang di NNM

- keadaan huru-hara berlaku di NNM
- antara sebab-sebabnya ialah pertelingkahan antara pembesar dan pergaduhan kongsi gelap Cina
- keadaan ini memberi kesan kepada pedagang-pedagang di NNS kerana mereka mengalami kerugian
- akibatnya pedagang mendesak British campur tangan dan melindungi kepentingan pelaburan mereka di NNM
- tahun 1873 seramai 243 pedagang NNS menulis surat kepada Lord Kimberly iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British mendesak British campur tangan

Hubungan Antara NNS Dengan NNM

- NNS sebagai pelabuhan entrepot
- NNS mengendalikan perdagangan bagi NNM
- Pedagang-pedagang NNS melabur modal dalam perlombongan bijih timah di Larut, Sungai Ujong, Lukut dan Klang

2.2 Keadaan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang Memberi Peluang Campur Tangan British (Teks m/s: 33)

- kurun ke-19 keadaan di NNM pantai barat huru-hara dan tidak stabil
- antaranya Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

i. Keadaan di Perak

- politik tidak stabil
- sebab-sebab;
a) Pergaduhan antara kongsi gelap Cina Ghee Hin dan Hai San
- buruh Cina dibawa masuk secara beramai-ramai pada tahun 1848 oleh Long Jaafar ke daerah Larut (Kelian Pauh dan Kelian Bharu)
- tujuan untuk memajukan lombong bijih timah di Larut
- berlaku pergaduhan di Larut yang mencetuskan Perang Larut
- keadaan menjejaskan perusahaan bijih timah

- Ngah Ibrahim iaitu Menteri Larut melantik Kapten Speedy (Timbalan Pesuruhjaya Polis NNS) membantu menamatkan kekacauan di Larut

b) Perebutan takhta di kalangan kerabat diraja

- berlaku akibat sistem pewarisan takhta tidak dipatuhi sepenuhnya
- mengikut sistem, seseorang anak raja perlu memegang tiga jawatan iaitu Raja Di Hilir, Raja Bendahara dan Raja Muda sebelum berhak ditabal menjadi sultan
- tahun 1871 Sultan Ali mangkat dan pembesar-pembesar Perak melantik Raja Ismail (Raja Bendahara ketika itu) sebagai sultan Perak yang baru
- pelantikan itu ditentang oleh Raja Abdullah (Raja Muda ketika itu) dan Raja Yusuf (Raja Di Hilir ketika itu)
- Raja Abdullah sepatutnya mewarisi takhta
- pada upacara pemakaman Sultan Ali di Sayong Raja Abdullah tidak hadir walaupun dijemput
- Raja Yusuf diketepikan kerana tidak disukai oleh pembesar-pembesar Perak
- tentangan kuat Raja Abdullah disokong penuh pembesar-pembesar di hilir Perak seperti Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor
- kuasa Sultan Ismail hanya terbatas di hulu Perak sahaja
- Raja Abdullah terus berkuasa di hilir Perak
- keadaan ini menyebabkan perpecahan dan menggugat keamanan di Perak
- Raja Abdullah meminta bantuan British untuk mengiktiraf beliau sebagai sultan
- permintaan Raja Abdullah diterima penuh minat oleh Andrew Clarke (Gabenor NNS) yang membuka peluang British untuk menguasai Perak

Langkah-langkah Menamatkan Kekacauan:

- Andrew Clarke memanggil pembesar-pembesar Melayu dan pemimpin kongsi gelap Cina berunding di Pulau Pangkor
- antara pembesar yang hadir ialah Raja Abdullah, Ngah Ibrahim dan Dato' Sagor
- Sultan Ismail tidak hadir kerana lewat menerima surat jemputan
- antara pemimpin kongsi gelap yang hadir ialah Kapitan Ah Kwee (Ketua Kumpulan Hai San)
- hasil rundingan membawa kepada termeterainya Perjanjian Pangkor pada 30 Januari 1874

- perjanjian ditandatangani atas kapal british iaitu H.M.S. Pluto

Syarat-Syarat Perjanjian Pangkor 1874:

- Raja Abdullah diiktiraf sebagai sultan Perak
- Raja Ismail diakui sebagai Raja Muda
- sultan menerima seorang Residen British sebagai penasihat dalam semua perkara kecuali hal-hal agama Islam dan adapt istiadat Melayu
- Residen berkuasa penuh ke atas pungutan cukai di Perak
- Residen, Penolong Residen, Sultan dan pembesar dibayar gaji daripada pungutan hasil mahsul Perak
- Ngah Ibrahim kekal sebagai Menteri Larut dan menerima seorang Penolong Residen
- Menteri Larut bertanggungjawab membiayai segala usaha mengembalikan keamanan di Perak

Kesan Perjanjian Pangkor Ke Atas Perak:

- tanda bermulanya kuasa British secara langsung dalam pentadbiran dan ekonomi Perak

Keadaan di Selangor

- tahun 1857 Sultan Abdul Samad yang berkuasa di daerah Langat ditabal menjadi sultan Selangor
- daerah Klang dikuasai Raja Sulaiman
- apabila Raja Sulaiman mangkat, Klang dikuasai pula oleh Raja Abdullah
- timbul rasa tidak puas hati oleh Raja Mahadi (putera Raja Sulaiman)
- Raja Abdullah berjaya memajukan perlombongan bijih timah di daerah Klang
- buruh-buruh Cina dibawa masuk bekerja di lombong-lombong
- lombong-lombong bijih timah dibuka di Kuala Lumpur dan Ampang
- tahun 1860 daerah Klang berkembang maju sebagai pusat bijih timah
- Klang dijadikan ibu negeri Selangor sebelum dipindahkan ke Kuala Lumpur pada tahun 1880
- kekayaan Klang menjadi rebutan dan perbalahan antaranya oleh Raja Mahadi
- perbalahan antara mereka mencetuskan perang saudara – Perang Klang
- perang audara merebak ke daerah-daerah lain di Selangor
- keadaan bertambah buruk apabila pelombong-pelombong Cina terlibat sama

- tahun 1866 Raja Mahadi menyerang Raja Abdullah di Klang
- kegiatan perdagangan Selangor terjejas

Langkah-Langkah Ke Arah Menamatkan Perang Klang:

- Sultan Abdul Samad (1857-1898) melantik Tengku Kudin untuk menamatkan Perang Klang
- Tengku Kudin (nama sebenar Tengku Dhiauddin) ialah putera diraja Kedah, menantu Sultan Abdul Samad dan wakil sultan untuk mentadbir dan memajukan Selangor (1868)
- Tengku Kudin tidak diterima pembesar-pembesar Selangor termasuk Raja Mahadi kerana beliau bukan anak negeri Selangor
- Tengku Kudin meminta bantuan British
- British mendesak Sultan Abdul Samad menerima Residen British tetapi gagal
- British terus berusaha mencari alasan untuk menempatkan residennya di Selangor
- tahun 1873 sebuah kapal dagang British dirompak di Langat
- 1874 rumah api British di Tanjung Rachado (sekarang Tanjung Tuan, Negeri Sembilan) telah diserang
- kapal perang British iaitu H.M.S. Rinaldo membedil Kuala Selangor
- British membantu Tengku Kudin menewaskan Raja Mahadi dan menamatkan Perang Klang
- British mendesak Sultan Abdul Samad meletakkan Selangor di bawah naungannya
- tahun 1874 J.G. Davidson dilantik sebagai Residen Selangor yang pertama
- Penolong Residennya ialah Frank Swettenham

Keadaan di Sungai Ujong

- Sungai Ujong kaya dengan bijih timah
- tahun 1872, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman menjadi pemerintah Sungai Ujong
- seorang lagi pembesar yang berpengaruh di Sungai Ujong ialah Dato' Bandar Kulop Tunggal
- kedua-duanya saling bersengketa
- sebab-sebab mereka bersengketa ialah;
 - i. Kedua-duanya berebutkan Sungai Linggi yang merupakan jalan perhubungan utama ke pelabuhan Melaka
 - ii. Pungutan cukai ke atas pedagang yang melalui sungai ini sangat lumayan

- Dato' Kelana berasa kedudukannya tidak terjamin kerana Dato' Bandar disokong kuat penduduk tempatan dan pelombong-pelombong Cina daerah Sungai Ujong
- Dato' Kelana meminta bantuan British
- tahun 1874 Dato' Kelana menandatangani perjanjian menerima perlindungan British
- syarat-syarat perjanjian ialah;
 - i. Dato' Kelana diiktiraf pemerintah daerah Sungai Ujong
 - ii. British berkuasa penuh mengutip cukai di Sungai Linggi
 - iii. Residen British pertama yang ditempatkan di Sungai Ujong ialah P.J.Murray
- Dato' Bandar tidak mengiktiraf perjanjian dan menentang tindakan British mengutip cukai di Linggi
- British memberi bantuan tentera kepada Dato' Kelana untuk menewaskan Dato' Bandar
- Dato' Bandar dibuang negeri ke Singapura
- British menguasai daerah-daerah lain seperti Rembau, Jelevu dan Sri Menanti
- British menempatkan pegawai Majistret dan Pemungut Hasil di setiap daerah, antaranya tahun 1883 di Rembau, 1886 di Jelevu dan 1889 di Sri Menanti
- tahun 1895 semua daerah disatukan dan membentuk persekutuan yang dipanggil Negeri Sembilan
- Tunku Muhammad Ibnu Yamtuan Antah (Yamtuan Sri Menanti) ditabal sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang pertama
- Tahun 1895 Residen British ditempatkan di Negeri Sembilan iaitu Martin Lister
- Negeri Sembilan secara sah menjadi negeri naungan British

iv. Keadaan di Pahang

- Pahang tidak sekaya seperti Negeri-Negeri Melayu yang lain
- British mahu menguasai Pahang bagi menghalang kuasa Eropah lain bertapak di Negeri-Negeri Melayu
- kurun ke-19 Asia Tenggara menjadi tempat kuasa Perancis, Rusia dan Jerman mencari tanah jajahan
- Sultan Ahmad berusaha mengekalkan kedaulatan Pahang dari dijajah British seperti yang berlaku di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan

- Sultan Ahmad mencontohi tindakan Sultan Abu baker dari Johor untuk membangunkan Pahang bagi menyekat pengaruh British
 - Sultan Ahmad membawa masuk pelabur-pelabur Eropah untuk memajukan Pahang
 - syarikat-syarikat Eropah mengusahakan lombong emas dan bijih timah di Pahang
 - contoh;
 - i. *Pahang Corporation Ltd* (Sungai Lembing)
 - ii. *Malay Peninsular* (Pahang)
 - iii. *Prospecting Co.* (Selising)
 - iv. *Penjom & Sg. Dua Semantan Co.* (Penjom)
- tindakan Sultan Ahmad tidak disenangi British kerana menjejaskan kepentingan mereka di Negeri-Negeri Melayu

Perluasan Kuasa British di Pahang

- tahun 1886, Frank Swettenham dan Frederick Weld Gabenor Negeri-Negeri Selat memujuk Sultan Ahmad menerima Residen british tetapi gagal
- tahun 1887 British mendapatkan bantuan Sultan Abu Bakar di Johor untuk memujuk Sultan Ahmad menerima pengaruh British
- Hugh Clifford dilantik sebagai wakil British di Pahang
- British masih tidak puas hati kerana wakil British berkuasa terhad
- tahun 1888 seoreang warganegara British berbangsa Cina iaitu Go Hui ditemui mati berhampiran istana Sultan Ahmad
- British menggunakan peluang ini mendesak Sultan Ahmad menerima Residen British atas alasan Sultan Ahmad tidak mampu mewujudkan keamanan di Pahang
- akhirnya Sultan Ahmad terpaksa menerima J.P.Rodger sebagai Residen British
- penerimaan ini sebagai tanda berakhirnya kedaulatan Pahang
- British mula campur tangan secara langsung dalam pentadbiran Pahang

Residen Menggugat Kuasa Sultan dan Pembesar (Teks m/s: 44)

- campur tangan British di Negeri-Negeri Melayu membawa kepada pengenalan Sistem Residen
- antaranya;
 - i. Perak (J.W.W. Birch)
 - ii. Selangor (J.G. Davidson)

iii. Negeri Sembilan (Martin Lister)

iv. Pahang (J.P. Rodger)

- ia menandakan negeri-negeri ini diletakkan sebagai negeri naungan British
- keadaan ini menggugat kuasa sultan dan pembesar

Sebab-Sebab Sistem Residen Menggugat Kuasa Sultan dan Pembesar

- Residen menjalankan semua urusan pentadbiran negeri
- Residen memaksa sultan menerima nasihat dalam semua perkara pentadbiran (kecuali hal-hal agama Islam dan adat istiadat Melayu)
- nasihat Residen mesti dipatuhi dan dilaksanakan
- Residen mengambil alih kuasa dan hak memungut cukai (oleh pegawai British iaitu Pegawai Majistret dan Pemungut Hasil)
- Residen menghapuskan amalan perhambaan yang melampaui bidang kuasa mereka (perhambaan – amalan adapt turun-temurun pembesar Melayu)

2.4 Pengukuhan Kuasa British Melalui Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

Teks m/s: 45-46

Faktor-Faktor Pembentukan NNMB (1896):

(i) Kelemahan Pelaksanaan Sistem Residen

- Residen tidak diberikan panduan jelas untuk menjalankan tugas
- Residen menjadi terlalu berkuasa
- Pentadbiran setiap negeri tidak seragam kerana mempunyai undang-undang sendiri
- Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura gagal mengawal kuasa Residen

(ii) Krisis Kewangan Pahang

- perbelanjaan negeri meningkat kerana Pahang terpaksa menanggung banyak hutang akibat kebangkitan rakyat menentang British
- jika pahang digabungkan dengan negeri-negeri kaya seperti Perak dan Selangor masalah dapat diringkaskan

(iii) Perkongsian Perkhidmatan Pakar


- menjimatkan bayaran perkhidmatan pakar seperti jurutera, juru ukur dan doktor

(iv) Sistem Perhubungan

- sistem perhubungan seperti jalan raya dan landasan keretapi antara Negeri-Negeri Melayu dapat dimajukan

(v) Faktor Keselamatan

- mengukuhkan kekuatan dan pertahanan ketenteraan



Langkah-Langkah Ke Arah Penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu:

- Perjanjian Persekutuan ditandatangani pada 12 Jun 1895
- NNMB atau Persekutuan 1896 terdiri daripada Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah disatukan pada 1 Julai 1896
- pusat pentadbiran Persekutuan terletak di Kuala Lumpur
- pentadbiran kerajaan Persekutuan dibahagikan kepada dua iaitu Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri
- diketuai oleh Residen Jeneral pertama Frank Swettenham (1896-1900)

Kesan-Kesan Pembentukan Persekutuan 1896

- Residen Jeneral berkuasa dalam pentadbiran, kewangan dan cukai eksport
- kerajaan pusat menubuhkan jabatan-jabatan yang diketuai pegawai-pegawai British seperti Jabatan Kehakiman, Jabatan Kewangan, Jabatan Perhubungan dan Perkhidmatan Awam
- penglibatan orang-orang Melayu adalah terhad
- sultan dikehendaki menurut nasihat Residen Jeneral dalam semua hal (kecuali hal berkaitan agama Islam dan adat Melayu)
- kuasa sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri diambil alih oleh Residen Jeneral


Syarat-Syarat Perjanjian Persekutuan 12 Jun 1895:

- Raja-Raja Melayu bersetuju menggabungkan negeri mereka menjadi sebuah persekutuan yang akan dikenali sebagai NNMB
- Raja-Raja bersetuju menerima seorang pegawai British sebagai Residen Jeneral
- Raja-Raja bersetuju mengikut nasihat Residen Jeneral dalam semua perkara kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adapt istiadat Melayu
- Raja-Raja Bersetuju membantu negeri-negeri yang memerlukan bantuan mengikut nasihat kerajaan British
- Residen Jeneral bertanggungjawab kepada Gabenor Negeri-negeri Selat yang juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi NNMB

Kesan-Kesan Kuasa Sultan Dikurangkan

- sultan-sultan NNMB tidak puas hati
- tahun 1897 British bersetuju menubuhkan DURBAR iaitu Persidangan Raja-Raja Melayu bagi mengatasi masalah
- ahli-ahli Durbar ialah;
 - i. Pesuruhjaya Tinggi
 - ii. Raja-Raja Melayu
 - iii. Residen Jeneral
 - iv. 4 orang Residen (Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang)
- Durbar pertama diadakan pada 1897 di Kuala Kangsar, Perak
- Durbar kedua didakan pada tahun 1903 di Kuala Lumpur

Struktur Pentadbiran Persekutuan 1896 (NNMB)



Persidangan DURBAR II (1903) di Kuala Lumpur

- Sultan Perak iaitu Sultan Idris (1887-1916) mendesak British tentang;
 - i. Pemusatan kuasa di tangan Residen Jeneral
 - ii. Mendesak kuasa Raja-Raja Melayu dikembalikan
 - iii. Mendesak bilangan pegawai Melayu dalam perkhidmatan kerajaan ditambah dan dilantik ke jawatan lebih tinggi
 - iv. Mendesak Bahasa Melayu diiktiraf menjadi bahasa rasmi

- kesan-kesan desakan;
 - i. British menggantikan Durbar dengan Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909
 - ii. Jawatan Residen Jeneral digantikan dengan Ketua Setiausaha

- iii. British bersetuju menyerahkan semula kuasa mentadbir kepada Majlis Mesyuarat Negeri
- iv. Tahun 1903-1909 Pesuruhjaya Tinggi NNMB ialah Frank Swettenham

BAB 3 – NEGERI-NEGERI MELAYU UTARA (NNMU) DAN JOHOR BENTENG KESELAMATAN BRITISH

3.1 NNMU Penampakan Keselamatan British di Tanah Melayu (Teks m/s: 55-57)

- akhir abad ke-19 muncul Zaman Imperialis Baru
- kuasa-kuasa Barat seperti Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Rusia bersaing untuk mendapatkan bahan mentah dan tanah jajahan
- negara-negara di Asia Tenggara seperti Tanah Melayu dan Siam menjadi rebutan
- British berasa bimbang dan tercabar
- kebimbangan ini mendorong British meluaskan pengaruh ke NNMU

Peluasan Kuasa Yang Membimbangkan British

i. Perancis

- ingin meluaskan kuasa ke Lembah Menam Chao Phraya
- merancang membina terusan di Segenting Kra yang akan mengancam kedudukan dan perdagangan di Singapura

ii. Jerman

- berusaha mendapatkan Pulau Langkawi daripada Siam

iii. Amerika Syarikat

- ingin bertapak di Terengganu

iv. Rusia

- berhasrat membuka petempatan di Ujung Salang

Cara British Menghalang Pengaruh Eropah di Tanah Melayu

i. British Menandatangani Perjanjian Sulit 6 April Dengan Siam

- tujuan menghalang Siam menyerah dan membenarkan mana-mana kuasa lain bertapak di Siam
- syarat-syarat perjanjian;
- Siam tidak akan menyerahkan Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis kepada mana-mana kuasa lain tanpa izin British

- British mengakui hak Siam ke atas negeri-negeri tersebut
- British akan membantu Siam jika diserang musuh
- kesan perjanjian;
- gagal menghalang sultan setiap negeri dari menjalinkan hubungan dengan kuasa-kuasa lain
- contoh: - tahun 1897 Sultan Kelantan memberi konsesi tanah seluas 776 996 hektar kepada *Duff Development Company* untuk melombong emas
- Sultan Terengganu menerima permohonan Amerika Syarikat untuk membuka petempatan di Pulau Redang

ii. Menandatangani Perisytiharan British-Siam 1902

- tujuan untuk menghalang perluasan kuasa Barat lain
- syarat-syarat perjanjian;
- British mengiktiraf NNMU dibawah naungan Siam
- rakyat British dilantik oleh kerajaan Siam sebagai penasihat sultan iaitu Kelantan (W.A. Graham), Kedah (Meadowe Frost) dan Perlis (H.E. Duke)
- Kelantan dan Terengganu tidak dibenarkan memberi konsesi kepada kuasa asing
- kesan-kesan perjanjian;
- British berjaya mengukuhkan pengaruh di NNMU

iii. Menandatangani Perjanjian Bangkok 1909 (British-Siam)

- tujuan untuk British terus menghalang kuasa Barat lain
- syarat-syarat perjanjian;
- Siam menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada British
- Siam tidak akan menyewakan mana-mana wilayahnya tanpa kebenaran British
- British menyerahkan Hak Wilayah Asingan kepada Siam
- kesan-kesan perjanjian;
- NNMU diserahkan kepada British

- Raja-Raja Melayu tidak dibawa berunding dan terpaksa akur dengan keputusan perjanjian

**Penasihat British Mengancam Kedaulatan
Negeri-Negeri Melayu Utara**
(Teks m/s: 58-62)

(i) Penasihat British di Kedah

- Sultan Abdul Hamid Halim Shah tidak mengiktiraf Perjanjian Bangkok 1909
- Baginda enggan menerima penasihat British
- tahun 1910 British tetap melantik penasihat British iaitu George Maxwell
- George Maxwell mengukuhkan kuasa dengan melaksanakan pentadbiran Barat di Kedah
- tindakan George Maxwell itu menimbulkan konflik dengan anggota majlis Mesyuarat Negeri pimpinan Tunku Mahmud
- berlaku percanggahan pentadbiran di Kedah antara Tunku Mahmud dengan George Maxwell
- Tunku Mahmud berjaya mengekalkan identiti Kedah melalui tindakan mahkamah
- Tunku Mahmud menentang tindakan George Maxwell mengibarkan bendera Union Jack dikediamannya

**Usaha-Usaha Tunku Mahmud Mengekalkan
Identiti Kedah**

- menggunakan Bahasa Melayu dalam surat rasmi dan perundangan
- surat rasmi tidak perlu ditapis
- penggunaan kalendar Hijrah
- cuti umum pada hari Jumaat
- melantik orang Melayu dalam pentadbiran Kedah

**Usaha-Usaha George Maxwell Menerapkan
Pengaruh barat Dalam Pentadbiran Kedah**

- menggunakan bahasa Inggeris dalam surat rasmi dan perundangan
- surat rasmi ditapis oleh Penasihat British
- menggunakan kalendar Masehi
- cuti umum pada hari Ahad
- pelantikan pegawai British dalam pentadbiran Kedah

(ii) Penasihat British di Perlis

- Raja Syed Alwi membantah tindakan Siam menyerahkan Perlis kepada British
- Baginda enggan menerima Penasihat British

- British tidak peduli (degil)
- Kapten Meadowe Frost dilantik sebagai Penasihat British
- cara untuk mengukuhkan kuasa di Perlis;
 - i. Menggubal undang-undang
 - ii. Memperkenalkan jabatan-jabatan baru seperti Jabatan Hasil dan Cukai, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Kadi
 - iii. Menguasai Jabatan Kewangan sebagai strategi menguasai pentadbiran Perlis

(iii) Penasihat British di Kelantan

- tahun 1910 Sultan Muhammad IV terpaksa menandatangani perjanjian dengan British
- tujuan untuk menempatkan Penasihat British di Kelantan
- J.S. Mason dilantik sebagai Penasihat British
- perubahan-perubahan yang berlaku ialah;
 - tahun 1915 kuasa mentadbir jajahan diambil alih oleh pegawai-pegawai British
 - British menguasai jabatan-jabatan baru seperti Mahkamah Tinggi, Jabatan Polis dan Pejabat Tanah
- kesan-kesan;
 - pentadbiran Kelantan dikuasai sepenuhnya oleh British

(iv) Penasihat British di Terengganu

- Sultan Zainal Abidin II tidak mengiktiraf Perjanjian Bangkok
- Baginda menolak pelantikan Penasihat British
- Sultan Zainal Abidin II menemui Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura untuk membuat bantahan
- tahun 1910 British tetap melantik W.L. Conlay sebagai wakil British
- bidang kuasa terhad dalam menguruskan hal ehwal luar Terengganu sahaja
- tahun 1911 Sultan Zainal Abidin II menggubal perlembagaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu
- tujuan adalah untuk memelihara kedaulatan dan kemerdekaan Terengganu
- tahun 1918 Sultan Muhammad II memerintah Terengganu
- tahun 1919 British mendesak supaya menandatangani perjanjian di Singapura
- British melantik J.L. Humphreys sebagai Penasihat British

- Sultan Muhammad II turun takhta kerana enggan tunduk kepada tekanan British
- British menguasai kesemua jabatan penting kerajaan Terengganu seperti Jabatan Kastam, Jabatan Perubatan, Jabatan Kerja raya dan Jabatan Tanah dan Galian

Sebahagian Kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu (*Ittiqan – ilmu luk bi – ta’ dil ilsuluk*)

- sultan tidak boleh menyerahkan Terengganu kepada mana-mana kuasa asing
- mustahak ke atas raja bermesyuarat
- hak Raja dan Menteri Besar dalam memilih Jemaah Menteri

3.3 Pemodenan Johor Melambatkan Campur Tangan British (Teks m/s: 63-70)

- Johor adalah negeri Melayu terakhir menerima Penasihat British
- Johor mengamalkan dasar persahabatan dengan British
- Johor berjaya mengekalkan kedaulatan hingga tahun 1914
- Sebab-sebab;
 - a. Kebijaksanaan pemerintah
 - b. Pengenalan sistem birokrasi moden
 - c. Kestabilan dan kemakmuran ekonomi
- antara pemimpin-pemimpin Johor yang berwibwa ialah;
 - i. Temenggung Daeng Ibrahim (1825-1826)
 - ii. Sultan Abu Bakar (1862-1895)

Temenggung Daeng Ibrahim (1825-1862)

- tahun 1825 Temenggung Abdul Rahman mangkat dan digantikan puteranya Daeng Ibrahim sebagai Temenggung Johor
- berkhidmat di bawah Sultan Hussein dan Sultan Ali
- tahun 1855 satu Perjanjian Persahabatan ditandatangani antara Temenggung Daeng Ibrahim dengan Sultan Ali
- Temenggung Daeng Ibrahim diberi kuasa menjadi pemerintah Johor kecuali di wilayah Kesang (di bawah Sultan Ali)
- antara kewibawaan Temenggung Daeng Ibrahim ialah;
 - menjalankan pentadbiran dengan cekap
 - mengasaskan pusat pentadbiran baru di Tanjung Puteri

- memajukan ekonomi Johor dengan cara menggalakkan kemasukan orang Cina dari Singapura untuk mengusahakan lading lada hitam melalui Sistem Kangcu

Syarat-Syarat Persetiaan Antara Temenggung daeng Ibrahim Dengan Sultan Ali (Mac 1855)

- Sultan Ali diiktiraf sebagai Sultan Johor tetapi gelaran itu tidak boleh diwariskan kepada keturunan baginda
- Kawasan pemerintahan Sultan Ali di wilayah Kesang

Sistem Kangcu

- diperkenalkan oleh Temenggung Daeng Ibrahim tahun 1833
- kangcu asalnya daripada perkataan Cina iaitu Tuan Sungai
- Sistem Kangcu melibatkan;
 - a. Orang Cina diberi Surat Kebenaran iaitu Surat Sungai untuk menetap dan mengusahakan pertanian di tebing sungai
 - b. Kawasan lading dikenali sebagai ‘Kangkar’ atau Kaki Sungai
 - c. Setiap kangkar diketuai oleh seorang kangcu yang memerintah dan memungut cukai
 - d. Tanaman adalah seperti lada hitam dan gambir
 - e. Hasil tanaman dikenakan cukai (sumber pendapatan kerajaan Johor)

Sultan Abu Bakar : Bapa Pemodenan Johor (1862-1895)

- tahun 1862 naik takhta Johor selepas kemangkatan ayahandanya
- diberi gelaran Datuk Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor
- sering ke England untuk mempelajari cara pentadbiran terbaik bagi membangunkan Johor
- tahun 1868, Ratu Great Britain mengurniakan gelaran Maharaja Johor kepada Sultan Abu Bakar
- tahun 1885, satu Perjanjian Persahabatan ditandatangani antara Johor dengan British
- persetujuan dicapai tentang;
 - i. Johor diiktiraf negeri bebas dan berdaulat
 - ii. Maharaja Abu Bakar diiktiraf Sultan Johor (setelah Sultan Ali dari keturunan Bendahara mangkat tahun 1877)
 - iii. Kedudukan Sultan Johor lebih tinggi daripada Pesuruhjaya Tinggi di Singapura

- iv. Sultan Abu Bakar boleh berhubung terus dengan kerajaan British di London tanpa melalui Pesuruhjaya Tinggi
- kesan-kesan persetujuan;
 - a. Sultan Abu Bakar berjaya menyekat kuasa British terhadap Johor
 - b. Sultan Abu Bakar menerima seorang Konsul British bukannya Penasihat British

Pemimpin Johor Yang Berwibawa

- pembangunan dan pemodenan Johor akibat persepakatan antara sultan dan pembesar
- kepintaran dalam pentadbiran menyebabkan British tidak mempunyai alasan untuk campur tangan
- antara pemimpin terkemuka Johor ialah;
 - i. Dato' Abdul Rahman bin Andak
 - ii. Dato' Jaafar bin Muhammad
 - iii. Dato' Muhammad Salleh bin Perang
 - iv. Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

Usaha-Usaha Pemodenan oleh Sultan Abu Bakar

- (a) Memodenkan pentadbiran Johor dengan mengadakan mahkamah, perkhidmatan pos dan jabatan Kerja Raya
- (b) Menjaga kebajikan rakyat dengan membina sekolah, hospital dan jalan raya
- (c) Menjaga keamanan negeri dengan menubuhkan pasukan polis dan tentera
- (d) Memantapkan ekonomi Johor dengan cara meneruskan Sistem Kangcu dan menjadi pengeksport lada hitam dan gambir terbesar dunia
- (e) Mengisytiharkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 yang merupakan perlembagaan bertulis pertama dan menjadi asas kepada pembentukan institusi Raja Berperlembagaan

Dato' Jaafar bin Muhammad

- Merupakan Setiausaha kerajaan Johor pertama (1868)
- Menteri Besar Johor pertama (1882-1919)
- Digelar Datuk Bentara
- Beliau mewajibkan semua pegawai British di Johor↓ memakai pakaian rasmi Johor
- Bendera Union Jack iaitu bendera rasmi British dikibar lebih rendah daripada bendera Johor demi maruah dan kedaulatan Johor
- Surat rasmi dalam bahasa Melayu bagi memartabatkan bahasa Melayu

Kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor

- (a) Sultan tidak boleh menyerahkan Johor kepada kuasa asing
- (b) Ditubuhkan Majlis Mesyuarat Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri
- (c) Anggota Majlis Mesyuarat Menteri dilantik daripada orang Melayu dan bertanggungjawab menasihati sultan dalam pentadbiran
- (d) Ahli Majlis Mesyuarat Negeri terdiri daripada rakyat Johor yang berperanan menggubal undang-undang

Dato' Abdul Rahman bin Andak

- Merupakan Setiausaha Sulit Sultan Johor (1885)
- Setiausaha Kerajaan Johor (1893-1909)
- Digelar Dato' Seri Amar Diraja
- Berperanan dalam hal ehwal hubungan luar negeri
- Bertanggungjawab mengawal hubungan Johor-British
- Tahun 1888 menjadi perintis kepada penubuhan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa Johor (sebuah badan persuratan terulung tanah air)

Kesan-Kesan Kebijaksanaan Sultan Abu Bakar

- (a) Digelar '**Bapa Pemodenan Johor**' kerana membawa banyak perubahan dalam pentadbiran dan pembangunan Johor
- (b) British tidak dapat menggugat kemerdekaan Johor
- (c) Johor aman dan makmur
- (d) Ketokohan Sultan Abu Bakar dihormati pemerintah British

Dato' Muhammad Salleh bin Perang

- Pernah memegang peribagai jawatan dalam kerajaan
- Antaranya;
 - a. Pesuruhjaya Polis – untuk keamanan dan kestabilan Johor
 - b. Ketua jabatan Ukur – tugasnya melukis peta pembangunan Johor yang menunjukkan semua jalan yang akan dimajukan dan melukis peta lengkap negeri Johor
 - c. Ketua Jabatan Tanah – merancang pembangunan di Muar, Endau, Segamat, Tangkak dan Batu Pahat

- Digelar sebagai Dato' Bentara Luar

Dato' Muhammad Ibrahim Munshi

- Ketua Jabatan Pendidikan Johor yang pertama tahun 1883
- Mendirikan banyak sekolah dan mendesak pendidikan wajib kepada rakyat Johor
- Dianugerahi Dato' Bentara Dalam
- Digelar Bapa Pendidikan Melayu Johor
- Tahun 1893 dilantik sebagai Timbalan Menteri yang pertama

Johor Di ambang Penjajahan British

- sejak *Perjanjian Persahabatan 1885* British menyusun strategi untuk menguasai Johor
- British bimbang Johor dikuasai kuasa Barat lain
- usaha dan muslihat British untuk menguasai Johor, antaranya;
 - i. British menubuhkan Lembaga Penasihat Johor
 - ii. Sultan Johor dinasihati supaya meminjam sebanyak 200,000 dolar dari Negeri-Negeri Selat
 - tujuan untuk membina landasan keretapi dari Johor ke Singapura
 - ia muslihat British untuk mengawal kewangan Johor
- muslihat British disedari oleh Dato' Abdul Rahman Andak dengan menasihati sultan supaya tidak menerima tawaran pinjaman British

- rancangan British berjaya digagalkan
- British menyedari kepintaran Dato' Abdul Rahman Andak dan bukan mudah untuk campur tangan di Johor
- British berusaha menyingkirkan Dato' Abdul Rahman Andak
- tahun 1907 John Anderson iaitu Gabenor Negeri-Negeri Selat mencadangkan supaya Dato' Abdul Rahman Andak dibersarakan dan dihantar ke London
- British menggunakan peluang ini untuk menguasai Johor
- Sultan Ibrahim iaitu putera Sultan Abu Bakar terpaksa meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor bagi membolehkan British menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri
- tahun 1914 British melantik Douglas Campbell sebagai Penasihat British di Johor

Lembaga Penasihat Johor

- ditubuhkan di London pada 1886
- Sultan Johor berhubung secara langsung dengan Pejabat Tanah Jajahan di London
- Dianggotai oleh orang British
- Fungsinya adalah untuk menguruskan hubungan luar Johor dan menasihati Sultan Johor tentang hal-hal pentadbiran

BAB 5 – KEKAYAAN EKONOMI SABAH MENARIK MINAT 'SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH' (SBUB)

- Sabah di bawah pengaruh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu
- Sabah menjadi tumpuan pedagang Barat kerana kedudukannya strategik dan kaya dengan hasil bumi

5.1 SBUB Bertapak Di Sabah

(Teks m/s: 102-104)

- Sabah menarik perhatian pelabur-pelabur Barat kerana potensi ekonomi
- antaranya kuasa Amerika Syarikat, Britain, Belanda dan Sepanyol
- syarikat-syarikat asing mula bertapak di Sabah

Amerika Syarikat

- tahun 1865 Sultan Brunei beri konsesi tanah di Sabah kepada wakil Amerika Syarikat iaitu W. L. Moses
- tempoh sewaan selama 10 tahun
- Moses menjual konsesi kepada *The American Trading Company* diketuai oleh J.W. Torrey dan T. B. Harris
- Torrey gagal menanam kopi dan tebu di Kimanis
- Torrey menjual haknya kepada Von Overbeck

Britain

- Von Overbeck menghadapi masalah kewangan
- Tahun 1877 Overbeck meminjam wang daripada syarikat Alfred Dent dan Edward Dent

- Gabenor Labuan iaitu W. H. Treacher bersetuju membantu Overbeck memperbaharui tempoh pajakan daripada Sultan Brunei dengan syarat syarikat yang ditubuhkan diletakkan di bawah kekuasaan British
- Tahun 1877 Sultan Brunei iaitu Sultan Abdul Mu'mein perbaharui pajakan dengan Overbeck dan Dent melalui perjanjian
- Sultan Brunei serahkan tanah antara Teluk Kimanis dan Sungai Sibuku
- 1878 Overbeck dan Dent menandatangani perjanjian dengan Sultan Jamalul Alam (Kesultanan Sulu)
- Sultan Sulu serahkan kawasan dari Sungai Pandasan hingga ke Sungai Sibuku
- Tahun 1880 Overbeck menjual semua haknya kepada Alfred dan Edward Dent
- Dent tubuhkan Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad
- Saham syarikat dijual kepada rakyat British bagi menambah modal perniagaan
- Persatuan berusaha mendapatkan Piagam Diraja daripada kerajaan British untuk mengukuhkan kedudukan dan memajukan perniagaan
- November 1881 kerajaan British menganugerahkan piagam kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad
- Tahun 1882 syarikat itu dinamakan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

Kesan Pemberian Piagam Diraja British Kepada SBUB

- SBUB berkuasa mentadbir Sabah
- Presiden pertama ialah Sir Rutherford Alcock
- Pengarah urusannya ialah Alfred Dent
- British dapat memperluaskan pengaruh dan menghalang kuasa Barat lain bertapak di Sabah
- Tahun 1888 SBUB menandatangani Perjanjian Perlindungan Borneo Utara yang menjadikan Sabah negeri naungan British
- British bertanggungjawab dalam hal ehwal luar Sabah

Syarat-Syarat Pemberian Piagam Kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad

- SBUB tidak boleh menyerahkan wilayah Sabah kepada sesiapa tanpa persetujuan kerajaan British
- SBUB mesti melantik pentadbir daripada pegawai yang diakui kerajaan British

- SBUB perlu memelihara agama, adat resam dan undang-undang penduduk tempatan
- SBUB hendaklah mentadbir Sabah dengan adil dan saksama
- SBUB mesti menerima nasihat daripada kerajaan British

5.2 SBUB Mengukuhkan Kuasa Di Sabah

(Teks m/s: 105-108)

- pemerintahan SBUB diketuai oleh gabenor W.H.Treacher
- gabenor dilantik oleh pengarah syarikat dengan persetujuan kerajaan British
- gabenor dibantu majlis Penasihat yang ditubuhkan tahun 1883
- ahli majlis ialah Setiausaha Kerajaan, Bendahari dan Ketua Pasukan Keselamatan
- pusat pentadbirannya di Sandakan
- SBUB menubuhkan jabatan kerajaan untuk melicinkan pentadbiran

Cara SBUB Mengukuhkan Kuasa dan Melicinkan Pentadbiran Sabah

- Menubuhkan Jabatan Kerajaan Dalam Pentadbiran*
 - antaranya Jabatan Pos, Jabatan Buruh, Jabatan Polis, Jabatan Kewangan dan Jabatan Tanah dan Ukur
 - mempunyai Pegawai Daerah, Ketua Anak Negeri (digelar Orang kaya-Kaya – O.K.K.) dan Ketua Kampung
- Membahagikan Sabah Kepada Beberapa Residensi / Daerah / Kampung*
 - Peringkat Residensi
 - pada peringkat awal Sabah dibahagi kepada dua residensi iaitu Residensi Pantai Barat dan Residensi Pantai Timur
 - tahun 1935 terdapat empat residensi iaitu Residensi Pantai Barat, Residensi Sandakan, Residensi Tawau dan Residensi Pedalaman
 - setiap residensi diketuai seorang Residen
 - Peringkat Daerah
 - Setiap residensi pula dibahagi kepada beberapa daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah (berbangsa Eropah)
 - Terdapat sepuluh daerah iaitu daerah Alcock, Daerah Dewhurst, Daerah Keppel, Daerah

Martin, Daerah Myburgh, Daerah Dent, Daerah Clarke, Daerah Cunliffe, Daerah Mayne dan Daerah Elphinstone

- Tahun 1915 jawatan Timbalan Penolong Pegawai Daerah diperkenalkan dan disandang oleh penduduk tempatan
- Ketua Anak Negeri (Orang Kaya-Kaya – O.K.K.) tugasnya membantu Pegawai daerah dalam pentadbiran
- Diberi surat kuasa yang membolehkan mereka menguruskan hal-hal berkaitan masyarakat tempatan

c) Peringkat Kampung

- SBUB melantik Ketua Kampung yang digelar Orang Tua
- SBUB mengekalkan penglibatan peribumi dalam pentadbiran kerana mereka memahami adat dan budaya masyarakat tempatan
- SBUB tidak mampu menggaji ramai pegawai Eropah kerana menghadapi masalah kewangan

(iii) Melaksanakan Undang-Undang Barat dan Tempatan

- tujuan untuk menjaga keamanan negeri
- tahun 1900 diwujudkan Mahkamah Majistret dan Mahkamah Anak Negeri di Jesselton

a)	Mahkamah Majistret
	- dihakimi Pegawai Daerah - mengendalikan kes-kes berat seperti kes bunuh, culik dan rompakan
b)	Mahkamah Anak Negeri
	- hakim dilantik dari kalangan Ketua Anak Negeri yang arif dalam bidang agama Islam dan adat - mengendalikan kes-kes peribumi berkaitan undang-undang Islam dan adat

Organisasi Pentadbiran SBUB

- **Lembaga Pengarah** di London
- **Gabenor** di Sabah yang dinasihati oleh Majlis Penasihat
- **Setiausaha Kerajaan** yang bertanggungjawab kepada;
 - **Ketua-Ketua Jabatan** (Pos, Buruh, Polis, Kewangan, Jabatan Tanah dan Ukur)
 - **Residen** yang merupakan ketua pentadbir di peringkat residensi

- **Pegawai Daerah** merupakan ketua pentadbir di peringkat daerah
- tugasnya sebagai majistret, pemungut cukai

bendahari daerah dan pegawai buruh

- **Ketua Anak Negeri** pula tugasnya menjaga keamanan, menguruskan pembahagian tanah, mengutip cukai dan memajukan pertanian
- **Ketua Kampung** pula tugasnya menguruskan hal ehwal kampung, menjaga keamanan, membantu memajukan perdagangan, melaporkan kepada Pegawai Daerah tentang kes-kes kecurian, wabak penyakit dan menjaga keselamatan kampung

5.3 SBUB Mengeksploitasi Hasil Bumi Sabah (Teks m/s: 109-114)

- matlamat SBUB menguasai Sabah adalah untuk membolot kekayaan ekonomi Sabah
- SBUB mengeksploitasi kekayaan Sabah seperti hasil-hasil tradisional, hasil pertanian dagangan, pembalakan dan perlombongan

(i) Hasil-Hasil Tradisional Sabah

- SBUB memaksa penduduk tempatan menambah hasil keluaran tradisional
- Hasil jualan penduduk dikenakan cukai seperti cukai tanah, cukai kepala, lesen perahu dan senjata
- Tujuan cukai untuk mengatasi masalah kewangan SBUB
- Antara hasil-hasil utama;
 - a) Sarang burung
 - i. eksport tradisional SBUB yang menguntungkan
 - ii. 1926 nilai eksport sebanyak 125 000 dolar
 - iii. kawasan utama ialah di Gua Gomantong, Gua Kuamut dan gua Magdalene

b) Pokok lanut

- i. dikenali sebagai abaka, manila hemp atau *musa textiles*
- ii. hidup meliar di kawasan pamah dan lembah
- iii. gentian pokok lanut dijemur sebelum diproses menjadi tali kapal
- iv. di eksport ke Eropah

c) Rotan

- i. di eksport dalam bentuk perabot, tikar dan tongkat

d) Pokok sagu / rumbia

- i. merupakan tanaman tradisional Sabah
- ii. hidup subur di kawasan berpayau di muara sungai
- iii. harga sagu sangat mahal di pasaran dunia
- iv. SBUB menggalakkan rakyat Sabah mengusahakannya secara komersial
- v. Sagu mentah dieksport ke Singapura dan Eropah
- vi. 1888 nilai eksport sagu Sabah sebanyak 93 433 dolar

e) Hasil laut

- i. seperti mutiara, trepang dan sirip ikan yu
- ii. diusahakan oleh masyarakat Bajau
- iii. dieksport ke China

(ii) Hasil Pertanian Dagangan

- SBUB mengusahakan tanaman baru seperti getah dan tembakau
- Sabah mempunyai tanah luas dan subur

a) Tembakau

- i. tanaman dagangan yang penting
- ii. tembakau Sabah diiktiraf terbaik di dunia
- iii. daun tembakau digunakan untuk menghasilkan cerut
- iv. mendapat pasaran tinggi di Belanda dan Amerika Syarikat
- v. SBUB mengecualikan cukai eksport kepada peladang tembakau bertujuan menggalakkan tanaman tembakau
- vi. Tahun 1890 terdapat 61 buah ladang tembakau di Sabah
- vii. 1902 hasil eksport tembakau Sabah bernilai lebih 2 juta dolar
- viii. Kawasan utama penanaman ialah di Pulau Banggi, Teluk Marudu, Lahad Datu, Tawau dan Sandakan

b) Getah

- i. ladang-ladang getah dibuka di Beauford, Jesselton dan Tenom
- ii. berkembang akibat pembinaan landasan kereta api
- iii. SBUB memberi 4% dividen kepada pengusaha getah bertujuan menggalakkan penanamannya
- iv. SBUB juga memberi pengecualian cukai eksport selama 50 tahun kepada pengusaha getah

- v. Buruh ladang getah dibawa masuk dari China dan Jawa
- vi. Getah menjadi hasil eksport utama SBUB

(iii) Pembalakan

- SBUB menguasai hasil balak Sabah
- Kaya dengan sumber balak seperti seraya, ramin, kapur, belian dan meranti
- Kawasan pembalakan utama di Sandakan, Lahad Datu dan Tawau
- Tahun 1898 kilang memproses kayu balak kepunyaan SBUB dibina
- Buruh dibawa masuk dari Filipina dan Indonesia
- Hasil kayu balak dieksport ke China, Singapura, Britain dan Australia melalui pelabuhan Sandakan

(iv) Perlombongan

- i. SBUB giatkan perlombongan Sabah seperti emas, arang batu dan mangan

a) Emas

- i. tahun 1886 diusahakan oleh Orang Cina di Sungai Segama

b) Arang batu

- i. dilombong di Silimponon dan Labuan
- ii. Silimponon mempunyai longgokan arang batu terbesar Asia Tenggara
- iii. diusahakan oleh *Syarikat Cowie Harbour Coal*

c) Mangan

- i. diusahakan di Teluk Marudu oleh Syarikat British Borneo Exploration
- ii. dieksport ke Britain

**5.4 Perubahan Sosial SBUB Di Sabah
(Teks m/s: 115-120)**

- SBUB membangunkan kemudahan asas seperti landasan kereta api jalan raya, sekolah, hospital dan telegraf
- tujuannya untuk kepentingan dan keuntungan SBUB

(i) Landasan kereta api

- 1896 landasan kereta api pertama dari Weston ke Beauford sepanjang 32 km
- 1904 dibina landasan dari Jesselton yang dikenali sebagai North Borneo Railway

- 1905 landasan disambung dari Beauford ke Jesselton dan dari Tenom ke Malalap
- tujuannya untuk memudahkan SBUB mengangkut hasil keluaran di bahagian pedalaman ke pelabuhan

(ii) Jalan raya

- SBUB menumpukan pembinaan jalan raya di bandar-bandar besar seperti Jesselton, Sandakan, Lahad Datu, Kudat dan Tawau
- tujuannya untuk menghubungkan kawasan kegiatan ekonomi dengan bandar dan pelabuhan
- 1930-an perhentian motokar dan bas dibina di Kota Kinabalu

(iii) Pengangkutan air

- 1890 Syarikat Perkapalan Straits Steamship memulakan perkhidmatan
- tujuannya untuk mengangkut penumpang dan barangan

(iv) Pendidikan

- SBUB kurang memberi perhatian
- SBUB hanya menyediakan pendidikan di peringkat rendah kerana kekurangan wang
- SBUB anggap bidang pendidikan tidak menguntungkan
- Kebanyakan sekolah dibina oleh mubaligh Kristian bagi tujuan menyebarkan agama Kristian
- antara sekolah yang wujud ialah Sekolah Inggeris, Sekolah Melayu dan Sekolah Cina

a) Sekolah Inggeris

- 1883 sekolah Inggeris pertama iaitu Institut Byron dibina di Sandakan oleh mubaligh Roman Katolik
- tahun 1887 Sekolah St. Mary ditubuhkan di Sandakan
- 1909 Jabatan Pelajaran ditubuhkan untuk menguruskan sekolah-sekolah di Sabah
- tahun 1939 terdapat 49 buah sekolah mubaligh dengan pelajar seramai 3700 orang

b) Sekolah Latihan

- dibina di Jesselton pada 1 Julai 1915
- merupakan sekolah latihan bagi anak-anak Ketua Anak Negeri
- dibina bertujuan untuk melatih anak-anak menjadi pegawai pentadbiran peringkat rendah
- bahasa pengantarnya ialah Bahasa Melayu

- dari segi kurikulum pelajar diajar tentang membaca, menulis dan mengira
- jawatan yang dikhaskan bagi lulusan sekolah ini ialah renjer, kerani dan Ketua Anak Negeri

c) Sekolah Melayu dan Bumiputera

- tahun 1921 sekolah Melayu pertama dibina di Kota Belud
- 1930 terdapat 10 buah sekolah Melayu bagi menampung 400 orang pelajar
- 1924 ditubuhkan Sekolah Bumiputera Keningau di Keningau

d) Sekolah Cina

- dibina sendiri oleh masyarakat Cina
- 1940 terdapat 11 000 pelajar berdaftar di sekolah Melayu, sekolah mubaligh dan sekolah Cina

(v) Pembinaan Hospital dan Pusat Kesihatan

- SBUB bina hospital di bandar-bandar besar seperti Jesselton, Sandakan, Beauford dan kudat
- 1924 Hospital Besar Tawau di bina
- 1940 terdapat 9 buah hospital dan 40 buah klinik di Sabah
- di kawasan luar bandar disediakan pusat-pusat kesihatan
- kelemahan – bilangan doktor tidak mencukupi
- perkhidmatan perubatan tidak dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Sabah

(vi) Kemunculan Bandar-Bandar Baru

- akibat daripada kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial
- bandar-bandar berkembang pesat sebagai pusat pentadbiran dan perdagangan
- antaranya Sandakan, Kudat, Jesselton, Tawau dan Lahad Datu

a) Sandakan

- diasaskan William Pryer tahun 1879
- menamakannya sebagai Elopura bermaksud bandar yang cantik
- berkembang maju sebagai pusat pentadbiran, pelabuhan antarabangsa dan pusat pembalakan

- b) Tawau
- i. sebuah pelabuhan yang terkenal di Pantai Timur Sabah
 - ii. eksport utamanya getah, abaka, mutiara dan kayu balak
- c) Kudat
- i. tahun 1881 SBUB menjadikannya sebagai pusat pentadbiran yang pertama
 - ii. pedagang menetap dan membina kedai di Kudat
 - iii. gagal menarik ramai penduduk dan pedagang kerana keadaan geografinya tidak sesuai untuk pertanian
 - iv. tahun 1884 SBUB memindahkan pusat pentadbirannya ke Sandakan
- d) Jesselton
- i. diasaskan tahun 1900 oleh Charles Jessel
 - ii. nama asalnya *Jessel Town* sempena nama pengasasnya
 - iii. kemudiannya disingkatkan kepada Jesselton

- iv. juga dikenali dengan nama Api-Api, Singga Mata atau Diasuka
- v. Jesselton maju kerana pembinaan landasan kereta api, perkembangan tanaman getah dan sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan penting
- vi. 1967 nama Jesselton ditukar kepada Kota Kinabalu

Perubahan Sosial dan Kemajuan Lain

- pejabat pos
- 1883 SBUB mengeluarkan setem pertama Sabah
- tahun 1883 juga akhbar pertama di Sabah diterbitkan iaitu *The North Borneo Herald*
- 1890-an kontinjen polis tempatan ditubuhkan
- 1900 SBUB telah menubuhkan 'Skuad Terbang' untuk menjamin keselamatan dan dianggotai pegawai polis tempatan
- 1903 loji air di Kota Kinabalu dibina untuk membekalkan air bersih
- tahun 1905 menara jam Jesselton dibina dan kekal hingga sekarang di Sabah